

LoI FKSW - DIA Taiwan Semarak Budaya dan Warisan Pribumi

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 16 Jun 2017 09:38 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 703

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



KHAMIS, 15 JUN - Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Unit Warisan Penyelidikan Borneo (UWPB) menandatangani Surat Niat (LoI) bersama *Department of Indigenous Affairs (DIA), Taoyuan City Government, Taiwan*.

Berlangsung petang tadi di Bilik Mesyuarat Mozart fakulti itu, majlis menandatangani LoI tersebut menyaksikan UMS diwakili Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni FKSW, Dr. Mohamad Puad Bebit manakala DIA pula diwakili Timbalan Pengurus Besar, Chen Cheng-Hsiung.

Hadir sama, Ketua Unit UWPB, Prof.

Madya Dr. Low Kok On.

Terdahulu dalam ucapan aluannya, Dr. Low berkata, LoI itu bertujuan untuk memangkin ke arah kerjasama yang erat dalam bidang penyelidikan berkaitan penduduk peribumi di Taoyuan City dan Sabah merangkumi aspek bahasa, pendidikan, budaya dan warisan.

“Melalui LoI ini kita berniat untuk mengadakan pertukaran penyelidik, guru dan staf pentadbiran; kerjasama dalam projek penyelidikan dan penerbitan; serta menganjurkan seminar, persidangan dan bengkel.

“Kita juga mahu mengadakan pembangunan dan perkhidmatan komuniti serta menganjurkan pelbagai aktiviti berkaitan bahasa dan budaya penduduk peribumi,” katanya.

Beliau turut menyuarakan agar LoI yang ditandatangani itu akan membawa kepada pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU).